

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 2

Hospital guna alat perubatan lama rugikan kerajaan

Kos tinggi selenggara peralatan lebih 20 tahun, guna teknologi 'usang'

Kuala Lumpur: Program penyenggaraan peralatan perubatan hospital berterusan tanpa menetapkan tempoh penggunaannya yang optimum oleh Kementerian Kesihatan (KKM) boleh merugikan kerajaan.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 2, kos penyenggaraan sudah melebihi kos perolehan baharu, sedangkan peralatan perubatan masih menggunakan teknologi lama dan prestasinya semakin merosot.

Selain itu, maklumat daripada *Asset and Services Information System (ASIS)* tidak digunakan

secara optimum untuk membuat keputusan berhubung permohonan bajet, perancangan perolehan dan penetapan tempoh penyenggaraan.

Pengauditan dilakukan bagi 2016 hingga 31 Disember 2020 menemui 50,452 atau 19.6 peratus peralatan perubatan melebihi usia 20 tahun dengan kos RM641.59 juta dan 29,654 atau 11.5 peratus peralatan perubatan yang berstatus *beyond economic repair* masih digunakan di hospital.

"Sebanyak 1,373 peralatan perubatan dengan kos perolehan berjumlah RM38.67 juta dihentikan daripada program penyenggaraan *Biomedical Engineering Maintenance Services* walaupun belum mencapai usia jangkaan," demikian menurut laporan dikeluarkan semalam.

Laporan itu turut mendedahkan lapan hospital tidak menggunakan sistem ASIS. Lima daripadanya mempunyai sistem penyenggaraan lain, manakala baki tiga hospital tidak mempunyai sistem penyenggaraan.

Sehubungan itu, KKM disyo

menyediakan dasar menyeluruh dan komprehensif berkaitan pengurusan peralatan perubatan yang merangkumi dasar perolehan peralatan perubatan baharu, pelan penggantian, penyenggaraan dan pelupusan bagi memastikan pengurusan dapat dilaksanakan dengan cekap serta memberi nilai tambah kepada kerajaan.

"KKM juga perlu mengambil kira kualiti peralatan perubatan diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan harga yang munasabah bagi memastikan memberi nilai faedah terbaik terhadap perolehan kerajaan.

"Peranan urus setia perolehan juga perlu ditambah baik dari aspek penyediaan kertas taklimat tender yang lebih komprehensif bagi membolehkan Lembaga Perolehan membuat keputusan tepat," menurut laporan itu.

Selain itu, KKM disyor memastikan semua sistem maklumat pengurusan dan penyenggaraan peralatan perubatan di hospital baharu berintegrasi dengan ASIS.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

11,332
jangkitan
baharu,
2,358 kes
di Sarawak

Penularan COVID-19

KKM bantu MKN nilai semula SOP fasa endemik

Kemasukan ke premis guna buku rekod diteruskan untuk kawasan tiada capaian internet

Oleh Rohaniza Idris,
Mohd Iskandar Ibrahim
dan Ahmad Suhail Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan menasihatkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dikaji semula bagi menepati suasana endemik.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata SOP sedia ada akan diperbaiki dan diperbaharui dari semasa ke semasa supaya sesuai dengan perubahan penularan COVID-19 daripada pandemik ke endemik.

"MKN dengan nasihat KKM akan menilai SOP untuk dikurangkan dan menepati suasana endemik," katanya menjawab soalannya tambahan Hannah Yeoh (PH-Segambut) pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan tambahan Datuk Amiruddin Hamzah (PEJUANG-Kubang Pasu) mengenai

keperluan menggunakan buku rekod kemasukan ke premis, Dr Noor Azmi menjelaskan, penggunaan buku rekod itu masih diteruskan untuk kawasan yang tiada capaian internet.

Beliau berkata, rekod itu akan terus disemak penguat kuasa bagi pengesanan kontak rapat.

Terdahulu menjawab soalan Abdul Latif Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) mengenai keberkesanan maklumat dalam buku catatan tanpa menggunakan imbas kod QR dalam mengesan kontak rapat dan keberkesanan alat penyukat suhu, beliau berkata, pendekatan itu bagi membantu aktiviti pengesanan kontak di kawasan tiada capaian internet.

Dr Noor Azmi berkata, tindakan pengunjung merekodkan maklumat betul dan jelas dalam buku catatan akan membantu pasukan yang menjalankan pengurusan kluster COVID-19 di lapangan mengesan kontak rapat.

Katanya, dua kaedah banyak membantu KKM dalam mengesan kes positif COVID-19 dan

kontak rapat, iaitu penilaian kesihatan sendiri oleh pengguna dan pengesanan kontak rapat melalui semakan data oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dengan pangkalan data MySejahtera.

Sementara itu, beliau berkata, sejumlah 1,300 tempat disediakan tahun ini bagi tajaan HADIAH Latihan Persekutuan (HLP) untuk pegawai perubatan melanjutkan pengajian dalam program Sarjana Kepakaran.

Katanya, pegawai perubatan juga boleh mengikuti pengajian kepakaran melalui Program Latihan Kepakaran Paralel Pathway.

"Menerusi program itu, 189 pegawai perubatan berjaya menjadi pakar tahun lalu berbanding 98 orang pada 2011.

"KKM turut melantik semula secara kontrak Pegawai Perubahan Pakar warganegara yang bersara wajib untuk berkhidmat selain mendapatkan perkhidmatan kepakaran pihak swasta menerusi penyampaian perkhidmatan dan penyumberan luar," katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr A Xavier Jayakumar, mengenai langkah mengatasi kekurangan pakar perubatan di hospital kerajaan dan tindakan menyerap pakar perubatan sedang bekerja sebagai pekerja kontrak di hospital kerajaan.

Dr Noor Azmi berkata, sehingga 30 Jun lalu, seramai 6,012 orang pakar perubatan berkhidmat di KKM dan daripada jumlah itu, 5,993 adalah pakar perubatan lantikan tetap manakala 19 lagi kontrak.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Saifuddin Nasution (PH-Kulim-Bandar Baharu) mengenai kemampuan KKM menambah doktor pakar kepada 28,000 menjelang 2030 seperti disasarkan, Dr Noor Azmi berkata, ia boleh dicapai berdasarkan langkah sedia ada.

Dalam usaha menambah bilangan pakar, katanya, pemantauan latihan kepakaran kepada pegawai perubatan dilakukan terhadap mereka yang mengambil ijazah dari luar negara.

"Program Latihan Kepakaran Paralel Pathway KKM dijenamakan dan antara langkah awal dilaksanakan adalah pegawai perlu berdaftar dengan Bahagian Perkembangan Perubatan apabila lulus peperiksaan Bahagian Satu bagi bidang berkaitan.

"Pendaftaran dibuat bertujuan membolehkan pemantauan latihan dan prestasi pelatih bagi program itu dapat dilaksanakan," katanya.

SOP sedia ada akan diperbaiki dan diperbaharui dari semasa ke semasa supaya sesuai dengan perubahan penularan COVID-19 daripada pandemik ke endemik

Dr Noor Azmi Ghazali,
Timbalan Menteri Kesihatan



84.4 peratus populasi dewasa lengkap divaksin

Kuala Lumpur: Seramai 19,784,628 atau 60.6 peratus populasi keseluruhan di negara ini menerima vaksinasi lengkap COVID-19, manakala 23,007,292 orang atau 70.5 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) berkata, sebanyak 84.4 peratus populasi dewasa menerima vaksinasi lengkap dan 93.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Katanya, ia menjadikan jumlah kumulatif pemberian dos, termasuk dos tunggal dan dos leng-

kap di negara ini kepada 42,699,197.

Katanya, Lembah Klang mencatat peratusan tertinggi bagi populasi keseluruhan yang lengkap divaksin, iaitu 80.4 peratus atau seramai 6,771,183.

"Ia diikuti Negeri Sembilan dengan 69.7 peratus (786,829), Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak 67.7 peratus (67,414) dan Perlis sebanyak 63.8 peratus (162,627).

"Tiga negeri mencatat peratusan populasi keseluruhan yang menerima dos lengkap paling rendah ialah Pahang iaitu 49.6 peratus (832,218), Kelantan pada

43.8 peratus (835,407) dan Sabah dengan 41.8 peratus (1,634,082)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelmarin, sejumlah 323,335 dos vaksin diberi di seluruh negara dan daripada jumlah itu, sebanyak 172,388 adalah dos pertama daripada 150,947 adalah dua dos lengkap.

Majlis Pemulihan Negara (MPN) turut mencadangkan kebenaran merentas negeri pada pertengahan bulan depan, jika kadar pelalihan terhadap COVID-19 mencapai 90 peratus.

Sementara itu, JKJAV berkata, semua Pusat Pemberian Vaksin

(PPV) AstraZeneca di Lembah Klang akan ditutup pada 3 Oktober ini.

"Sehubungan itu, penerima vaksin berkenaan yang terlepas dos kedua dikehendaki ke PPV dos pertama secara 'walk-in' sebelum tarikh berkenaan untuk mendapatkan suntikan dos kedua," katanya.

PPV berkenaan adalah PPVAZ World Trade Centre (WTC) Kuala Lumpur, PPVAZ Universiti Malaysia Kuala Lumpur, PPVAZ Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi dan PPVAZ Ideal Convention Centre (IDCC) Shah Alam.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : COVID-19



MOHD Razali (kiri) menunjukkan kit ujian sendiri Covid-19 yang akan diagih kepada 64 sekolah di daerah Pekan. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

40 pegawai, anggota IPD Gua Musang dikuarantin

Gua Musang: Empat puluh pegawai dan anggota Ibu Pejabat Daerah (IPD) Polis Gua Musang dikuarantin dua minggu di kediaman serta kuarters masing-masing selepas mengalami simptom Covid-19.

Mereka mengalami simptom terbahit hasil kontak rapat dengan orang ramai ketika bertugas.

Ketua Polis Daerah Gua Musang Superintendan Sik Choon Foo berkata, kesemua pegawai dan anggota berkenaan sudah menerima suntikan vaksin Covid-19.

"Sebelum ini, ada pegawai dan anggota IPD ini yang positif Covid-19 namun sudah sembuh.

"Kali ini, jumlah yang dikuarantin adalah besar.

Kami akan penuhi keperluan harian mereka bersama keluarga seperti penyediaan makanan dan sebagainya," katanya di IPD berkenaan semalam.

Beliau ditemui pada penyerahan 40 pek makanan termasuk barangan dapur sumbangan Kelab Lion yang disampaikan wakilnya, Tan Teoh Teik Choon.

Sementara itu, Teik Choon berkata, pihaknya prihatin dengan nasib pegawai dan anggota yang dikuarantin itu.

"Kami berterima kasih di atas pengorbanan pegawai dan anggota polis ini.

"Kerana itu, kami menghulurkan bantuan bagi meringankan beban mereka," katanya.

Hotel Mei jadi PKRCS

Georgetown: Hotel di Lorong Abu Siti di sini, bakal beroperasi sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Swasta (PKRCS) bagi pesakit kategori satu dan dua negeri ini yang dalam kalangan golongan B40.

Ketua Menteri Pulau Pinang Chow Kon Yeow berkata, inisiatif menjadikan Hotel Mei sebagai pusat itu hasil kerjasama dengan Crisis Relief Services and Training Berhad (CREST), membatalkan peruntukan RM1.7 juta.

Katanya, ia akan beroperasi dalam tempoh tiga bulan dengan mengutamakan aspek keselamatan komuniti yang tinggi.

"Semua pesakit akan dibawa masuk menerusi pintu khas di belakang hotel, manakala bahagian hadapan premis yang bertentangan dengan jalan besar pula menjadi zon hijau yang dikawal rapi.

"Saya yakin semua pengoperasian akan dipantau

baik bagi kepentingan semua pihak, terutama komuniti serta penduduk setempat," katanya menerusi kenyataan media di sini, semalam.

Chow berkata, PKRCS itu penting dan menjadi keperluan buat golongan B40 yang perlu dikuarantin namun, kediaman mereka tidak bersesuaian.

Menurutnya, pemilihan Hotel Mei juga kerana premis itu memenuhi kriteria bagi pengoperasian PKRCS mengikut Garis Panduan Annex 32b Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Ia menyediakan 70 bilik untuk pesakit kategori 1 dan 2 yang berusia antara dua tahun hingga 60 tahun.

"Dengan fasiliti tersedia, PKRCS hotel itu mampu menampung sehingga 147 pesakit pada satu-satu masa, yang ditentukan oleh Pegawai Kesihatan Daerah (PKD). Tiada polisi walk-in," katanya.

PPD Pekan terima 5,047 kit ujian sendiri

Pekan: Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pekan menerima 5,047 kit ujian sendiri Covid-19 untuk diagih kepada 64 sekolah rendah dan menengah di daerah ini.

Kit ujian itu dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk digunakan pada sesi persekolahan bermula bulan depan.

Pegawainya, Mohd Razali Mustafar berkata, kit ujian sendiri Covid-19 yang diberikan kepada sekolah

hanya akan digunakan ketika diperlukan sahaja terutama apabila terdapat murid serta pelajar yang bergejala.

"Kit akan diserahkan kepada semua sekolah berkenaan dalam masa terdekat.

"Pihak sekolah turut akan diajar cara menggunakan kit itu," katanya semalam.

Menu-

rut Razali, ada 21,234 murid dan pelajar yang direkodkan di Pekan.

Razali berkata, keutamaan penggunaan kit membabitkan 12 sekolah berasrama harian dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang mana pelajarannya sepanjang masa berada dalam kawasan sekolah.

"Pada masa sama, pegawai PPD

Pekan akan diberi tanggungjawab untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) di semua sekolah secara berterusan," katanya.

Sementara itu, Razali berkata, ketika ini, daripada 2,158 guru sekolah rendah dan menengah di daerah ini, hanya empat yang tidak berminat untuk menerima suntikan vaksin Covid-19.

"Usaha memujuk mereka sedang dilakukan," katanya.

Seramai 21,234 murid dan pelajar direkodkan di Pekan

Wujud ekosistem selamat di sekolah

Penjelasan berkaitan vaksin perlu terus diberi kepada remaja, pelajar bagi mengekang penularan wabak koronavirus

Bernama

Kuala Lumpur


Penjelasan mengenai vaksin Covid-19 perlu diberikan kepada remaja atau pelajar secara berterusan supaya mereka lebih prihatin tentang pencegahan penyakit dalam mengekang penularan wabak berkenaan terhadap golongan itu.

Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia (NUTP) Wang Heng Suan berkata, walaupun tiada undang-undang yang mewajibkan pelajar mengambil vaksin, kaunselor di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah perlu memainkan peranan memberi kesedaran dan kepentingan vaksinasi kepada pelajar.

"Suntikan vaksin amat penting untuk mengekang penularan jangkitan Covid-19 sekali gus memastikan sistem pembelajaran berfungsi dengan baik. Pemberian vaksin kepada remaja jalan terbaik bagi mengekang penularan jangkitan itu dalam kalangan remaja.

"Ibu bapa perlu memahami situasi pandemik ketika ini dan dapat memberikan kerjasama yang baik dengan mendaftarkan anak mereka untuk mendapatkan vaksin supaya ekosistem pendidikan Malaysia tidak terjejas," katanya kepada Bernama, baru-baru ini.

Wang berkata, pandemik Covid-19 adalah cabaran ke-



PELAJAR SMK Cheras Jaya, Muhammad Haziq Turutiradi, 17, menerima suntikan vaksin menerusi program Pick Remaja di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Konvensyen Bangi Avenue (BACC), Bangi. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

pada golongan pendidik dan pelajar dalam meneruskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) kerana wabak itu bukan sahaja membabitkan nyawa seorang pesakit, tetapi satu komuniti atau populasi.

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) Remaja yang bermula secara rasmi pada 20 September lalu menyasarkan pembabitkan 3.2 juta remaja berusia 12 hingga 17 tahun, dengan 60 peratus daripada mereka mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin pada November ini, dan 80 peratus mendapat dos lengkap sebelum sekolah dibuka pada sesi 2022.

Program itu dimulakan

lebih awal di Sarawak pada 8 September dan Labuan pada 11 September selepas kadar vaksinasi di negeri dan wilayah berkenaan mencapai 80 peratus.

Manakala di Sabah pula dimulakan pada 16 September lalu kerana sebahagian besar remaja tinggal di kawasan pedalaman dan memerlukan lebih masa bagi aktiviti jangkau luar.

Sementara itu, Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia Sukimin Juki pula berkata, pemberian vaksin Covid-19 kepada pelajar adalah cara terbaik ketika ini kerana sesi persekolahan akan dibuka tidak lama lagi sekali gus mampu mewujudkan ekosistem yang se-

lamat di sekolah. Beliau berkata, bagi mewujudkan persekitaran yang selamat di sekolah, bukan hanya warga sekolah seperti guru, pihak pengurusan dan petugas sokongan sahaja perlu divaksin, tetapi juga pelajar bagi mewujudkan gelembung yang lebih selamat sesama mereka.

"Pemberian vaksin adalah yang terbaik buat masa ini. Ya, mungkin tidak 100 peratus, tetapi dalam usaha mewujudkan ekosistem yang selamat, ia adalah antara langkah terbaik pada waktu ini," katanya.

Dalam pada itu, Naib Yang Dipertua Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Mohd Ariffin Abdul Rahman berkata, walaupun warga sekolah dan pelajar menerima suntikan vaksin, tindakan terbaik adalah mematuhi segala SOP yang digariskan.

"Suntikan vaksin amat penting untuk mengekang penularan Covid-19"
Wang

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA



CHOON FOO (tiga dari kanan) menerima sumbangan barangan makanan daripada Telk Choon di IPD Gua Musang semalam.

40 anggota polis positif Covid-19

GUA MUSANG – Seramai 40 anggota di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gua Musang disahkan positif Covid-19 dipercayai berjangkit dengan orang awam sewaktu menjalankan tugas.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo berkata, anggota-anggota polis itu kini menjalani kuarantin sejak seminggu lalu di kuarters IPD Gua Musang selepas mempunyai gejala jangkitan Covid-19.

Katanya, kesemua anggota yang terlibat dipercayai berjang-

kit daripada orang awam ketika melaksanakan tugas.

"Seramai 40 anggota bersama ahli keluarga terpaksa dikuarantin selepas mereka disahkan positif Covid-19 kategori satu dan dua selain ada antaranya menjangkiti kontak rapat pesakit.

"Jumlah jangkitan Covid-19 itu adalah yang terbesar di IPD Gua Musang berbanding sebelum ini yang melibatkan bilangan kecil sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima bantuan ma-

kan daripada wakil Kelab Lion di IPD Gua Musang untuk diserahkan kepada 40 anggota polis yang sedang dikuarantin semalam.

Sumbangan 40 pek makanan itu disampaikan District Governor 308B1 Kelab Lion, Tan Teoh Teik Choon.

Mengulas lanjut, menurut Choon Foo, sebelum ini, lebih 200 anggota dan pegawai polis pelbagai pangkat di IPD Gua Musang sudah lengkap dua dos vaksin.

Kes aktif terus turun, 258 kematian dicatat

PUTRAJAYA – Pesakit sedang dirawat dan diasingkan terus mencatatkan penurunan dengan 177,560 kes setakat kelmarin.

Menurut laman web COVID-NOW yang dikemas kini pukul 11.59 malam kelmarin itu menunjukkan, daripada jumlah tersebut sebanyak 147,848 kes dikuarantin di rumah.

"Selain itu, 19,180 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 9,554 kes di hospital, 402 kes di Unit Rawatan Rapi tanpa bantuan pernafasan dan 576 kes di ICU dengan bantuan pernafasan," katanya.

Selain itu, sebanyak 258 kes kematian dilaporkan dengan 87 kes kematian sebenar bagi tempoh tujuh hari, menjadikan jumlah kematian 25,695 kes.

Terdapat 75 kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead (BID) dengan jumlah kes BID di seluruh negara sebanyak 5,097 kes.

Sementara itu, Ketua Pengerah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 11,332 kes harian dilaporkan semalam, menjadi-

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes Baharu	11,332
Import	23
Tempatan	11,309
Pulih	14,160
Jumlah kes sembuh	2,020,099
Jumlah Kematian	25,695
Jumlah kes keseluruhan	2,220,526

kan jumlah kes positif sebanyak 2,220,526 kes.

"Sarawak merekodkan 2,358 kes, diikuti Johor (1,319), Selangor (1,231), Kelantan (1,088), Sabah (965), Pulau Pinang (895), Kedah (819), Perak (678), Pahang (677), Terengganu (629), Melaka (303) dan Kuala Lumpur (240).

"Negeri Sembilan pula (89), Putrajaya dan Perlis (masing-masing 19 kes) dan Labuan (tiga)," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : K2



NOOR HISHAM

Sistem pengudaraan baik bendung penularan

ANTARA isu terbaharu pandemik Covid-19 adalah berhubung aspek pengudaraan terutamanya apabila varian baharu virus itu dikaitkan dengan jangkitan bawaan udara.

Justeru, sistem pengudaraan dan kualiti udara yang baik disifatkan penting dalam membendung penularan virus itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, secara umumnya, terdapat tiga jenis pengudaraan di bangunan-bangunan termasuk premis perniagaan dan pejabat.

Ia merangkumi pengudaraan secara semula jadi, sistem penyaman udara tanpa pengudaraan mekanikal dan sistem penyaman udara dengan pengudaraan mekanikal.

"Bangunan yang mempunyai pengudaraan semula jadi mempunyai risiko yang rendah dalam penularan penyakit Covid-19 dan lain-lain penyakit bawaan udara.

"Bagaimanapun, perkara berikut perlu dilakukan jika ruang tersebut menggunakan sistem pengudaraan semula jadi iaitu buka lebih daripada satu tingkap atau pintu pada bahagian dinding sama, tingkatkan pengudaraan silang dengan buka tingkap atau pintu pada bahagian bertentangan atau guna kipas untuk membantu meningkatkan peredaran udara dalaman," katanya.

Sementara itu katanya, bagi premis dengan sistem penyaman udara tanpa pengudaraan mekanikal disarankan meningkatkan pengudaraan dalaman dengan buka tingkap dan pasang kipas, selain menetapkan suhu antara 23 hingga 26 darjah Celcius.

"Bagi premis bersistem penyaman udara dengan pengudaraan mekanikal pula perkara yang harus diambil perhatian adalah memastikan semua komponen *Mechanical Ventilation and Air Conditioning* (MVAC) diselenggara dan berfungsi mengikut reka bentuknya," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Sebanyak 247 kes atau 2.2 peratus merupakan kategori tiga hingga lima

Oleh TUAN BUQHAIKHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kes baharu positif Covid-19 kembali meningkat kepada 11,332 kes setakat jam 12 tengah hari pada Selasa.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, terdapat 247 kes atau 2.2 peratus merupakan kategori tiga hingga lima.

Menurutnya, sebanyak 11,085

11,332 kes baharu, Sarawak kekal catat jumlah tertinggi

kes (97.8 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

“Sarawak kekal melaporkan kes tertinggi iaitu 2,358 kes diikuti Johor (1,319), Selangor (1,231) dan Kelantan (1,088).

“Lapan negeri yang masih merekodkan tiga digit jangkitan iaitu Sabah (965), Pulau Pinang (895),



DR NOOR HISHAM

Kedah (819), Perak (678), Pahang (677), Terengganu (629), Melaka (303) dan Kuala Lumpur (240),” katanya dalam satu kenyataan.

Dr Noor Hisham berkata, Negeri Sembilan pula merekodkan dua digit jangkitan iaitu sebanyak 89 kes, diikuti Putrajaya (19) Perlis (19) dan Labuan (tiga).

“Jumlah kumulatif kes positif adalah sebanyak 2,220,526,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, sebanyak 986 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 574 memerlukan bantuan pernafasan.

“Sejumlah 14,160 kes sembuh direkodkan menjadikan jumlah kumulatifnya, 2,020,099 kes,” katanya.

**MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?**

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia mengenal pasti 15 kluster baharu membatik sembilan kluster komuniti dan enam kluster tempat kerja.

“Jumlah keseluruhan kluster adalah 5,447 kes dan 4,296 daripadanya telah diisytiharkan tamat, sementara 1,151 masih aktif,” katanya.

5,947 individu mohon kuarantin di rumah sejak seminggu lalu

KUALA LUMPUR - Sejumlah 5,947 individu kebanyakannya warganegara Malaysia telah mengemukakan permohonan melalui portal Home Quarantine Application (HQA) sejak dilancarkan 20 September lalu untuk menjalani kuarantin di tempat kediaman.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sejak seminggu dilancarkan, portal HQA telah menerima sebanyak 4,883 permohonan

lengkap dan daripada jumlah tersebut sebanyak 1,741 permohonan telah diproses.

“Sebanyak 1,612 telah diberi kelulusan untuk menjalani kuarantin di rumah atau tempat kediaman,” katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Memperinci lanjut, Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah permohonan tersebut, 3,921 melibatkan permohonan warganegara Malaysia diikuti oleh 1,910 individu bukan warganegara dan pemastautin tetap Malaysia iaitu

sebanyak 116 orang.

Kementerian Kesihatan sebelum ini melancarkan portal sebagai salah satu persiapan menghadapi pertambahan kemasukan pengembara dari luar negara atas pelbagai tujuan.

Portal khas ini diwujudkan bagi memudahkan urusan permohonan kuarantin di rumah atau tempat kediaman kepada pengembara dari luar negara yang tiba di Malaysia melalui pelbagai pintu masuk antarabangsa. - *Bernama*

Individu terlepas dos kedua AstraZeneca disaran ke PPVAZ sebelum 4 Oktober

SHAH ALAM - Individu yang terlepas suntikan kedua dos vaksin Covid-19 jenis AstraZeneca disaran supaya hadir ke Pusat Pemberian Vaksin AstraZeneca (PPVAZ) asal mereka secara terus sebelum 4 Oktober ini.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) menerusi satu hantaran di Facebook memaklumkan individu berkenaan boleh datang terus ke mana-mana empat lokasi PPVAZ sebelum tarikh tersebut.

Menurut hantaran tersebut, lokasi PPVAZ tersebut ialah PPVAZ

Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur; PPVAZ Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur; PPVAZ Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dan PPVAZ Pusat Konvensyen Ideal (IDCC), Shah Alam.

“Kepada penerima vaksin AstraZeneca di Lembah Klang yang telah terlepas suntikan dos kedua, sila terus ke PPV asal anda sebelum 4 Oktober 2021.

“Semua PPVAZ di Lembah Klang akan ditutup selepas 3 Oktober,” kata hantaran tersebut pada Selasa.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : SINAR NEGERI

40 tahfiz tak hantar nama pelajar untuk vaksin

Kerajaan Perak gesa pengetua sekolah tahfiz hantar segera nama pelajar kepada JAIPK

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Sebanyak 50 sekolah tahfiz daripada 90 yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) sudah menghantar nama pelajar untuk program vaksinasi di negeri itu.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Perak, Mohd Akmal Kamarudin berkata, kerajaan negeri meminta kerjasama semua pengetua sekolah tahfiz untuk segera mengemukakan nama pelajar untuk divaksin kepada JAIPK.

Menurutnya, perkara itu penting bagi menyelaraskan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Remaja untuk pelajar sekolah berumur 12 hingga 17 tahun yang sedang dilaksanakan ketika ini.

"Ada yang tak berdaftar pun dan kita dah bermesyuarat dengan pihak JAIPK macam mana nak selesaikan sekolah tidak berdaftar ini supaya pelajar-pelajar



Mohd Akmal (berdiri, kiri) bertanyakan sesuatu kepada pelajar untuk program vaksinasi ketika mengadakan lawatan di PPV Sekolah Izzuddin Shah pada Selasa.

VAKSINASI REMAJA

diberi layanan sama rata dengan sekolah agama berdaftar.

"Kita minta kerjasama pengetua dan sekolah lain termasuk yang tidak berdaftar supaya menghubungi pihak JAIPK untuk menyelaraskan program vaksinasi," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Sekolah Izzuddin Shah di sini pada Selasa.

Mohd Akmal berkata, sebanyak 39 sekolah tahfiz tidak berdaftar dengan JAIPK juga belum menyerahkan nama pelajar mereka untuk divaksin.

Menurutnya, dianggarkan jumlah keseluruhan pelajar tahfiz berdaftar dan tidak berdaftar yang akan menerima suntikan vaksin di negeri itu seramai 10,000 orang.

"Kesemua sekolah yang sudah menghantar nama pelajar akan diberi maklumat berkaitan janji temu vaksin mereka mengikut lokasi tempat tinggal," katanya.

Mengenai perkembangan PICK Remaja di Perak, Mohd Akmal berkata, sehingga 26 September seramai 64,681 remaja yang telah divaksin iaitu 27 peratus daripada populasi di negeri itu.

Kedah benar jemaah lengkap vaksin solat fardu di masjid

ALOR SETAR - Kerajaan Kedah membenarkan jemaah yang sudah lengkap vaksinasi untuk menunaikan solat fardu di masjid berkuat kuasa pada Rabu dengan syarat kehadiran separuh ruang solat masjid.



MOHD YUSRI

Pengarah Jabatan hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK), Mohd Yusri Md Daud berkata, keputusan ini dibuat setelah mengambil kira kadar vaksinasi penduduk di Kedah melebihi 60 peratus, kes harian Covid-19 yang sudah menurun paras 1,000 serta kadar penggunaan katil pesakit Covid-19 di hospital yang menurun kepada 60 peratus.

"Bagi solat Jumaat, kita turut membenarkan kehadiran jemaah separuh ruang solat masjid iaitu tidak kurang daripada 50 jemaah termasuk pegawai dan jawatan kuasa masjid," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mohd Yusri berkata, program keagamaan seperti kuliah selepas Maghrib hingga Isyak, kuliah Subuh, bacaan Yasin malam Jumaat dan tazkirah sebelum solat Jumaat dibenarkan tidak melebihi satu jam.

"Penyampai kuliah hendaklah sudah lengkap divaksin dengan kapasiti jemaah mengikut ketetapan had solat fardu dan Jumaat.

"Penyampai kuliah dari luar lokaliti yang perlu rentas daerah dan negeri tidak dibenarkan, semua aktiviti solat dan kuliah mestilah dengan jarak fizikal satu meter dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : RENCANA

NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED



TATKALA kita berasa lega apabila akhirnya program vaksinasi untuk kumpulan remaja berusia 12 hingga 17 tahun khususnya pelajar sekolah bermula, timbul persoalan cukup serius, iaitu bagaimana nasib anak-anak yang mungkin tidak mendapat kebenaran ibu bapa untuk menerima suntikan vaksin Covid-19?

Walaupun pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Remaja masih di peringkat awal dan belum ada statistik mengenai perkara ini, memandangkan ada golongan dewasa yang enggan divaksin maka sudah pasti anak-anak mereka juga bakal mengikuti jejak sama. Justeru, semua mata kini tertumpu kepada kelompok ibu bapa yang enggan divaksin untuk diri sendiri dan ahli keluarga.

Hakikatnya, ini antara isu besar yang sedang bermain di pemikiran masyarakat kerana tindakan ibu bapa yang tidak membenarkan anak mengambil vaksin boleh meletakkan semua pihak dalam risiko besar. Natiujahnya, baik anak tersebut mahupun orang di sekelilingnya boleh terkena jangkitan wabak.

Misalnya, kita sedia maklum sekolah bakal dibuka secara berperingkat tidak lama lagi. Timbul persoalan, bagaimana dengan keselamatan anak yang tidak dibenarkan divaksin oleh ibu bapa dengan anak yang telah divaksin? Ironinya, mereka akan berada di sekolah untuk suatu tempoh panjang serta menjalani sesi pembelajaran dan aktiviti lain secara bersemuka. Situasi ini sekali gus mula mencetuskan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa.

Sudah tentu ibu bapa yang anak mereka lengkap divaksin bimbang jika mengetahui ada dalam kalangan rakan-rakan sekelas anak mereka tidak mendapat vaksin atau lebih tepat lagi tidak mendapat kebenaran ibu bapa untuk menerima vaksin. Akibatnya



TINDAKAN segelintir ibu bapa yang tidak membenarkan anak mereka mengambil vaksin boleh meletakkan semua pihak dalam risiko yang besar. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

Jangan anak pun antivaksin

“Sudah tentu mereka malu dan takut untuk berhadapan dengan rakan-rakan yang sudah mendapat vaksin.”

ada kemungkinan ibu bapa tidak akan membenarkan anak mereka hadir ke sekolah kerana lebih mengutamakan keselamatan apatah lagi Kementerian juga memberi pilihan kepada ibu bapa untuk tidak menghantar anak ke sekolah. Bukankah senario ini akan menjejaskan pelajaran dan masa depan anak-anak?

Malah keengganan ibu bapa memberi kebenaran juga akan meletakkan anak mereka dalam keadaan cukup berisiko sepanjang masa di semua tempat. Harus diingat, anak ini tidak akan terkurung di rumah semata-mata sebaliknya pergi ke merata tempat untuk pelbagai urusan di mana mereka dengan

mudahnya terdedah kepada risiko jangkitan. Sekali lagi kita meletakkan semua pihak dalam keadaan risiko tinggi.

SALAH LANGKAH

Jelas di sini, kuncinya sekarang ada pada ibu bapa kerana anak berusia 12 hingga 17 tahun ini masih di bawah tanggungjawab mereka sepenuhnya. Jadi, ibu bapa perlu bijak menilai segala risiko serta membuat keputusan bijak demi memberikan perlindungan keselamatan maksimum kepada ahli keluarga khususnya anak-anak. Ringkasnya, ibu bapa tidak boleh salah langkah sehingga menggadaikan keselamatan dan masa depan anak-anak.

Dalam konteks ini, di harap ibu bapa yang enggan anak mereka divaksin akan sedar dan dapat teliti betul-betul data dan statistik dibentangkan oleh Kementerian Kesihatan setakat ini. Secara umumnya dilaporkan kadar kematian bayi, kanak-kanak dan remaja akibat Covid-19 pada tahun ini meningkat seiring pertambahan kes jangkitan. Sebanyak 41 kematian

direkodkan sejak Januari hingga 30 Ogos lalu, berbanding enam kematian pada 2020 dengan 322,694 menjadi pesakit cilik Covid-19 sejak pandemik bermula. Lebih membimbangkan apabila data juga menunjukkan kategori usia 13 hingga 17 tahun menyaksikan peningkatan ketara tahun ini dengan 89,087 kes dan 16 kematian berbanding 4,142 kes serta dua kematian pada 2020.

Apakah data ini belum cukup menggerunkan kita? Jadi, janganlah kerana keegoan dan kedegilan kita sanggup menggadaikan keselamatan dan masa depan anak sendiri. Dalam hal ini, memang betul kita tidak boleh memaksa apatah lagi tidak ada undang-undang mewajibkan pengambilan vaksin, namun itu bukan alasan untuk ibu bapa lari daripada tanggungjawab khususnya apabila tindakan kita turut membabitkan keselamatan orang lain.

Malah tindakan kita menghalang anak mengambil vaksin juga boleh memberi tekanan hebat serta menjejaskan emosi anak-

anak. Hal ini kerana sudah tentu mereka malu dan takut untuk berhadapan dengan rakan-rakan yang sudah mendapat vaksin. Kita khuatir akhirnya anak ini akan murung, terjejas secara mental dan fizikal serta tidak mahu keluar rumah atau memilih untuk terus terperuk di rumah.

Jadi, jelas sekali jika ibu bapa tidak membuat keputusan bijak, ia bukan sahaja bakal merugikan masa depan anak-anak tetapi turut boleh mencetuskan pelbagai polemik dan kegusaran dalam kalangan anggota masyarakat lain.

Justeru, ibu bapa perlu berfikir masak-masak sebelum membuat keputusan dan jangan sesekali membuat keputusan yang merugikan masa depan anak-anak serta meletakkan semua pihak dalam risiko tinggi. Tuntasnya, kini pilihan di tangan ibu bapa sendiri dan buatlah pilihan bijak, betul dan rasional dengan mengambil kira kepentingan semua pihak terlibat.

PENULIS ialah pentadbir universiti dan penganalisis isu semasa.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : RENCANA

Industri pembinaan belum sedia?

GOH KAI CHEN



SEPERTI MANA umum maklum, kerajaan melaksanakan sebanyak tiga kali Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa dalam jangka masa dua tahun. Kini, kita sedang beralih ke fasa endemik seperti yang dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin pada penghujung Oktober ini.


Hal ini akan dilaksanakan selepas 80 peratus penduduk negara menerima dos lengkap vaksin. Namun begitu, apa yang menjadi persoalan, keadaan ekonomi negara masih belum pulih sepenuhnya terutama sektor pembinaan.

Ini kerana penekanan melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) yang diwujudkan telah memberi cabaran besar kepada kebanyakan pemain industri di seluruh negara termasuk kontraktor. Antara cabaran utama adalah kewajipan setiap pekerja menjalani kit ujian pantas (RTK) antigen dengan kaedah sendiri atau di fasiliti kesihatan setiap dua minggu.


Menurut Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, keputusan tersebut merupakan langkah proaktif bagi menangani penularan Covid-19 dalam kalangan pekerja di tapak pembinaan. Kontraktor perlu menanggung kos RTK-antigen untuk kesemua pekerja mereka yang ramai jumlahnya di sesebuah projek pembinaan.

Pihak kontraktor agak terbeban dengan kos RTK-antigen yang tinggi. Tambahan pula kos ini tidak dinyatakan dalam mana-mana klausa kontrak dan insurans. Akibatnya, kontraktor perlu menanggung kos yang dianggap sebagai luar jangka ini disebabkan pandemik Covid-19.

Untuk isu seperti ini, kerajaan harus memperhalusi



KERAJAAN disaran mengambil beberapa langkah dalam melaksanakan pengurusan projek pembinaan agar lebih praktikal dan selamat. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN



KOS kit ujian pantas yang perlu ditanggung oleh kontraktor bagi semua pekerja asing di tapak projek pembinaan dilihat membebankan. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

dan menilai semula SOP bagi fasa endemik ini dengan melihat pendekatan yang boleh diambil. Sebelum ini, beberapa negara telah melonggarkan secara keseluruhan SOP. Namun, tindakan tersebut

menyebabkan peningkatan jumlah jangkitan dan kewujudan varian baharu sehingga kerajaan terpaksa mengetatkan kembali dan memperbaharui SOP.

Bagi tujuan ini, saya syorkan beberapa langkah

dalam melaksanakan pengurusan projek pembinaan agar ia lebih praktikal dan selamat. Apa yang perlu dilaksanakan dalam memastikan industri pembinaan berjalan lancar sebelum fasa endemik

bermula yang dijangkakan pada penghujung Oktober nanti merangkumi aspek-aspek berikut:

- Polisi kerajaan yang lebih menekankan keselamatan pekerja industri pembinaan terutama semasa pandemik. Ini adalah disebabkan sehingga kini tidak ada sebarang polisi yang menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja industri pembinaan diwujudkan walaupun negara dilanda penularan Covid-19 hampir dua tahun.

- Agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) boleh bekerjasama dengan syarikat-syarikat insurans dan takaful untuk mewujudkan polisi bagi membantu menampung kos ujian RTK antigen, tindak balas rantai polimerase transkripsi balikan (RT-PCR) dan rawatan pekerja sekiranya dijangkiti Covid-19.

- Memperhalusi dan mempermudah SOP untuk industri pembinaan agar ia dapat difahami dan dipatuhi oleh pekerja-pekerja di tapak pembinaan terutama pekerja asing.

- Kerajaan harus melabur secara konsisten dalam pembangunan infrastruktur seperti sekolah, jalan raya, jambatan dan infrastruktur digital kerana ia adalah pemacu utama dalam meningkatkan ekonomi negara dan secara langsung memberi impak kepada industri pembinaan.

Tuntasnya, pandemik Covid-19 telah menggugat kemajuan negara terutamanya menjejaskan pembangunan ekonomi termasuk industri pembinaan yang memberikan impak cukup besar. Justeru, kerajaan perlu memandang serius hal ini dengan mengembalikan pertumbuhan ekonomi sambil membangunkan masyarakat yang inklusif dan seimbang berteraskan konsep Keluarga Malaysia.

PROFESOR Madya Dr. Goh Kai Chen ialah Penyelidik Utama di Pusat Kelestarian Infrastruktur & Pengurusan Alam Sekitar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION / NEWS

COVID FATALITIES

258 deaths recorded on Monday

